KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE

UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 12

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 13

Bukan semua barang naik harga

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI
kusyafiq.fozi@mediamulia.com.my

LEBIH kurang 68 peratus perbelanjaan isi rumah akan digunakan bagi tujuan ketiga-tiga kumpulan utama manakala selebihnya akan digunakan untuk lain-lain perbelanjaan. Oleh kerana barangan dan perkhidmatan dalam ketiga-tiga kumpulan ini mendominasi keseluruhan perbelanjaan isi rumah, maka ia amat relevan dan signifikan kepada pengguna. Dalam hal ini, sebarang kenaikan harga yang berlaku dalam mana-mana barangan dan perkhidmatan di bawah ketiga-tiga kumpulan ini akan memberikan kesan besar kepada perbelanjaan isi rumah pengguna.

Oleh kerana nilai inflasi ini dibentuk daripada 781 item spesifikasi barangan dan perkhidmatan, maka apabila inflasi pada bulan tertentu mencatatkan peningkatan, tidak bermakna keseluruhan barangan serta perkhidmatan turut mengalami kenaikan harga. Hakikatnya, pengguna tidak membeli kesemua item-item dalam kumpulan tersebut, sebaliknya membeli mengikut keperluan individu. Jika kita menjurus kepada item-item spesifik dalam kumpulan berkenaan, kita dapati bukan semua item mencatatkan peningkatan harga.

Tabiat pembelian pengguna pengaruhi inflasi

PETUNJUK kenaikan harga bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan menerusi kadar inflasi boleh menjadi satu rujukan kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga. Gelagat pembelian pengguna (*Consumer Purchasing Behaviour*) yang selama ini cenderung memilih item kegemaran walaupun harganya tinggi, harus diubah dan digalakkan supaya membuat perbandingan harga terlebih dahulu dan mencari produk atau jenama alternatif yang menawarkan harga berpatutan. Pengguna harus mempunyai kesedaran bahawa mereka berhak untuk memilih barangan dan perkhidmatan yang harganya adalah jauh lebih rendah tetapi mempunyai kualiti yang sama dengan item kegemaran mereka.

Pengguna tidak sepatutnya taksub kepada jenama tertentu, jenis barangan tertentu dan premis kedai tertentu sahaja. Pilihan di tangan pengguna. Aplikasi seperti Price Catcher yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) amat berguna dalam membantu pengguna membuat perbandingan premis yang menawarkan pelbagai pilihan item dengan harga yang berbeza.

Price Catcher secara tidak langsung dapat melihat situasi harga runcit di pasaran setiap hari di samping membantu pengguna membuat keputusan yang bijak dalam pembelian. Dengan adanya aplikasi ini, pengguna dapat dipupuk supaya merancang pembelian dengan bijak dan membudayakan gelagat ini di kalangan pengguna.

Dalam isu ini, inflasi boleh dikawal dengan memperbaiki gelagat pembelian. Pengguna boleh menjadi seorang pengguna yang bijak dengan langkah-langkah berikut:

TheStar

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 14

Nuri Enterprises will showcase its Nureys food-based products, said Mohd Imran (left).

BUY LOCAL PRODUCTS IN SUPPORT OF FELLOW MALAYSIANS

Four-day fair at Langkawi (Nov 11-14) to promote local goods

KUALA LUMPUR: To help our fellow Malaysians get back on their feet after the devastating pandemic wave, we need to help each other.

And one way we can do so is to support the Kempen Beli Barangan Malaysia.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is leading the campaign. There will be various activities lined up for four days at Dataran Cenang in Langkawi from Nov 11 (10am-10pm) – performances by local artistes Azlan and The Typewriter, Baby Shima, Nuri, Fiq, and Afieq Shazwan; buskers; cultural shows; quizzes and lucky draws.

Some 20 homegrown brands will showcase their products such as food and beverage items, personal care, cosmetics, oral care, herbal merchandise, batik and handicraft.

Ghazi Affan Holding Sdn Bhd will be offering 15 personal care products under the brand name Swag.

"We will have special deals and promotions in Langkawi. Visitors can try our products and discover our perfume," said its managing director Rozailmee Zulkeply.

Rozailmee, 38, said the brand Swag is four years old in the country, and he has explored the market in Australia, Japan, the United States and France. The products are available at Chois one-stop convenience stores in Langkawi, as well as pharmacies and retail outlets.

Nuri Enterprises will be promoting its seven food-based products.

"Visitors can buy and taste our signature products which are of export quality," said marketing director Mohd Imran Mohd Kamal.

The company has 18 products such as bee hoon (rice vermicelli), laksa, kuah sate (satay peanut sauce), otak udang, kuah rojak, sambal pecal and fried onions under the Nureys brand, which are sold at hypermarkets and supermarkets.

Lieza Anggun Enterprise will be promoting 12 of its 17 products under the Mahsuri Gold range – cosmetic-based items and balm with natural ingredients for various uses. Besides Malaysia, the products are sold in Pattani, southern Thailand.

"We will give free samples as well as explain to visitors the analysis done on our products. Those who buy our products will get free gifts," said company owner Zuliza Zainon, 37.

Zuliza said there will be a photo competition for visitors who take the best picture of themselves with the products.

NFA Technologies Sdn Bhd will offer seven of its 10 natural oral care products under the brand Mismis.

"We will give special offers and deals for visitors to our booth," said its managing director Noormawarni Nordin, 40.

Noormawarni started out with extra cool mint toothpaste in 2018. She collaborated with the Malaysian Cocoa Board to use cocoa extract for its anti-bacterial property in her oral care products, which are sold in Brunei and Morocco.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid will officiate at the campaign themed Jom Sokong dan Beli (Let's Support and Buy) on Nov 13.

Lieza Anggun Enterprise will be promoting products under its Mahsuri Gold range, said Zuliza.

Check out NFA Technologies' Mismis natural oral care products, said Noormawarni (left), while Rozailmee said there will be special deals for Swag personal care products by Ghazi Affan Holding.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 35

Gagal seludup 1.8 tan minyak masak

PASIR MAS - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 1.8 tan minyak masak yang cuba diseludup ke negara jiran dengan menggunakan dua kenderaan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, pada Selasa.

Operasi dijalankan secara bersepadu oleh penguat kuasa KPDNHEP Kelantan bersama pegawai dari Polis Marin, Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Tumpat dan Pasukan Gerakan Am Batalion 9.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri Azanizam Affendi Juri berkata, pasukan berkenaan menemui dua kenderaan dengan pendaftaran Malaysia ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan di kawasan sempadan.

"Pemeriksaan mendapati kedua-dua kenderaan membawa muatan minyak masak paket sekilogram sebanyak 1.8 tan.

"Kesemua paket disyaki untuk diseludup ke negara jiran yang percayai ditinggalkan suspek selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Azanizam berkata, nilai rampasan barangan kawalan tersebut dianggarkan berjumlah RM4,720 manakala dua kenderaan dianggarkan bernilai RM85,000 turut dirampas.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM6.49
- Daging Lembu Tempatan RM36
- Daging Lembu Import RM29.99
- Telur Gred A RM11.39
- Ikan Kembung RM10.89
- Minyak Masak RM6.55
- Gula Pasir RM2.80
- Bawang Besar Holland RM3.19
- Bawang Putih RM7.49
- Cili Merah RM11.99
- Kubis Bulat Tempatan RM2.50
- Tepung Gandum RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

TheStar

HARI : KHAMIS

TARIKH : 11/11/2021

M/SURAT : 1



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/11/2021
M/SURAT : 14

SSM agih RM134,000 wang zakat bantu usahawan asnaf

KUANTAN – Sebanyak RM134,000 zakat perniagaan diagihkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada usahawan daripada golongan asnaf di Pahang yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Pengarah SSM Pahang, Kamarudin Mohd. Daut berkata, setiap usahawan asnaf tersebut menerima RM1,000 bagi membantu meringankan beban mereka yang tidak dapat menjalankan perniagaan dalam tempoh yang agak lama akibat pandemik Covid-19.

"Sebelum ini kami juga menyediakan bantuan kewangan antara RM300 hingga RM500 kepada masyarakat pelbagai kaum yang terkesan akibat PKP.

"Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini antara bukti keprihatinan SSM kepada golongan yang terkesan dengan PKP," katanya pada majlis penyerahan sumbangan SSM kepada usahawan asnaf negeri Pahang di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Dr. Asmadi Abdul Rahman.

Menurut Kamarudin, pihaknya mendapat kerjasama penuh daripada Muip dalam program agihan bantuan zakat kepada golongan usahawan asnaf di negeri ini.

Menurutnya, penerima bantuan zakat berkenaan terdiri daripada usahawan kecil yang menjalankan perniagaan makanan dengan syarat perniagaan yang diusahakan mereka berdaftar dengan SSM.

"Bantuan zakat yang diberikan ini diharapkan dapat dijadikan modal tambahan kepada usahawan untuk meneruskan semula perniagaan yang diusahakan," ujarnya.

KAMARUDIN (dua dari kiri) bersama Asmadi (tiga dari kiri) beramah mesra dengan seorang penerima bantuan zakat di Kuantan semalam.